

DARI SEBULAN KE SEBULAN

Di Singapura telah diadakan kempen “*Jangan Berludah*” dianjurkan oleh Dato’ Bandar Singapura Tuan Ong Eng Guan. Mulanya belanja kempen ini dianggarkan hanya sebanyak \$60,000 sahaja tetapi kemudian didapati kekurangan sebanyak \$45,000 yang ertinya belanja anjuran *Jangan Berludah* sudah naik jadi \$105,000. Kalau penduduk Singapura *semillion* ertinya seorang kena 10 sen untuk kempen itu, apa pula jika diperhatikan yang banyak berludah hanya yang tua-tua sahaja sudah tentu belanja itu lebih tinggi dari sepuluh sen, barangkali hampir-hampir seringgit seorang. Orang-orang berasa hairan mengapa kempen ludah itu ditutup dengan permainan-permainan besar-besaran yang dihadiri ramai di tempat am yang membawa pula orang-orang banyak berkumpul di tempat lapang yang lebih berbahaya daripada berludah kerana di dalamnya bergaul manusia dari segala peringkat termasuk orang-orang yang menghidap penyakit batuk kering yang menyebabkan hendak dihapuskan oleh kempen itu. Orang Islam berkata “*Mashā Allah*”.

Dārūs Sharīf kata ini hanya menguntungkan propaganda Petir sahaja. Apa betul ini? Tanya sama Dato’ Bandar Singapura yang mengeluarkan wang rakyat 105, 000 orang untuk *Kempen Berludah*.

* * *

Berludah itu sebenarnya terbit daripada tabiat. Kalau orang sudah bertabiat suka berludah, di mana pun ia berludah sehingga di hadapan orang makan pun ia berludah. Tabiat ini terbit daripada contoh yang dilihatnya

semenjak dari kecil dari orang-orang tuanya dan kemudian menjadi tabiat pula kepada dirinya sendiri. Kalau sudah jadi tabiat bagaimana pun dibuat ia tidak akan habis melainkan ia masuk kubur. Untuk mengubah tabiat ini hendaklah dibuat dengan menyelam sambil minum air iaitu dengan memberikannya sambil-sambil belajar di dalam sekolah - di dalam buku-buku bacaan atau nasihat-nasihat yang perlu oleh guru-guru. Kerana itu kerja-kerja ini, dipandang sebahagian orang lebih tepat dikerjakan oleh Swee Kee dari Ong Eng Guan. Mengeluarkan wang rakyat \$105,000 dengan cara ambil peluang seperti kata Dārūs Sharīf, sesungguhnya sangat dikesalkan. Baik-baik mengeluarkan duit orang ramai, Mr Ong, kerana penanggungan hidup rakyat sekarang semakin perit - yang senang hanya buruh yang ada kerja sedang yang dibuang kerja sudah banyak.

* * *

Parti Negara dalam keputusan yang diambilnya menghendaki supaya Melayu menjadi rupa bangsa Persekutuan Tanah Melayu. Pada masa adanya “PERKEMBAR” yang diketuai oleh Dato’ Onn dahulu bersama-sama Parti Kebangsaan Melayu yang diketuai oleh Dr Burhanuddin, Dato’ Onn membangkang rupa bangsa Melayu sebagai bangsa yang dianjurkan oleh Parti Kebangsaan Melayu. Melihat ini orang memandang sudah terbalik. Tetapi sesungguhnya begitu orang bertanya pula apakah barang yang ditolak Dato’ Onn dahulu itu akan dapat perhatian rakyat pula setelah beliau sendiri menolak dahulu?

Kerajaan Persekutuan tidak akan menentukan satu rupa “Kebangsaan Melayu” kepada penduduk-penduduk Persekutuan yang bukan keturunan Melayu untuk menjaga hak-hak istimewa bangsa Melayu yang telah termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan”- kata Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Dato’ Abdul Razak.

Beliau bimbang sekiranya bangsa lain dinamakan “Melayu” kerana dengannya hilang keistimewaan orang Melayu iaitu di antaranya, menurut beliau, ialah adanya kawasan simpanan Melayu, hak kedaulatan Melayu dan lain-lain yang masih menjadi simbol keMelayuan. Hak keistimewaan ini menurut beliau akan kekal selama 15 tahun lepas merdeka.

Orang-orang yang memerhati telah pun mengerti bahawa rupa bangsa yang ada sekarang masih disembunyikan sekalipun hakikatnya telah nyata bahawa pelaksanaannya ialah *Malayan*. Tetapi berhubung dengan lain-lain hal nampaknya masih hendak di sulit-sulitkan kerana itu kalau Timbalan Perdana Menteri Persekutuan telah berkata begitu maka lebih baik berterang-terang sahaja iaitu kalau tidak “berkebangsaan Melayu” apakah rupa bangsanya? Orang ramai harus ingin pula mengetahuinya kerana mereka harus mahu perkara-perkara itu dijelaskan dengan seterang-terangnya.

* * *

Terbit daripada ucapan Timbalan Perdana Menteri itu maka orang-orang Melayu, sama ada di dalam UMNO atau di luarnya wajiblah mengetahui bahawa yang diuntukkan bagi orang-orang Melayu di antaranya adanya kawasan simpanan Melayu dan hak-hak kedaulatan Melayu dan lain-lainnya yang menjadi simbol keMelayuan”- sedang yang demikian, menurut zahir ucapan beliau bahawa keistimewaan ini akan kekal (hanya 15 tahun sesudah merdeka.

Dengan ucapan ini tentu orang bertanya pula sesudah itu bagaimana kedudukan orang-orang Melayu? Orang-orang Melayu yang hidup di Singapura telah menyangka kelak seperti di Singapura yakni menjadi suatu golongan yang tidak ada hak-haknya yang diutamakan lagi - selain daripada kawasan kecil di kampung Melayu. Kalau terjadi begini “berabi” kata orang-orang Indonesia.

* * *

Bagi kali yang pertama semenjak daripada *Jam ‘iyyat al-Da ‘wah al-Islāmiyyah* ditubuhkan Setiausahanya bertukar tangan daripada tangan Haji Wan Jor Bin Abu Bakar. Jabatan Setiausaha *Jam ‘iyyah* itu telah dipegang olehnya sebegitu lama, dan kata setengah pihak ia berusaha benar untuk menetapkan kedudukannya sebagai Setiausaha itu sehingga terkadang-kadang mereka membawa “pengikut” bagi pihaknya untuk mempertahankan kedudukan itu.

Selama 25 tahun lebih kecemburuan terhadap langkah-langkah mengadakan perubahan di dalam *Jam ‘iyyah* semuanya gagal dan kerana itu dari setahun ke setahun orang memandang bahawa kerja *Jam ‘iyyah* daripada itu ke itu sahaja.

Dengan perubahan Setiausahanya ini dan dengan masuknya tenaga-tenaga baharu di dalamnya yang dipandang oleh golongan lama “pengacau” Adalah diharap semoga membawa perubahan pula di dalam *Jam ‘iyyah*.

* * *

Terlanjur menyebut perubahan di dalam *Jam ‘iyyah* maka moleklah Setiausaha baharunya meminda langkah-langkah lama yang sangat buruk kerana nampaknya dijadikan dasar untuk mempertahankan kedudukan jawatan-jawatan yang ada. Orang-orang yang telah menjadi ahli-ahli *Jam ‘iyyah* yang tidak membayar yurannya terus dipotong menjadi nama ahli *Jam ‘iyyah* dengan tidak dinyatakan terlebih dahulu yakni tidak diadakan tuntutan bayaran yuran -

kalaupun namanya dibuang daripada daftar ahli. Orang-orang tidak membayar yuran adalah kerana tukang-tukang pungut yuran tidak datang bahkan terkadang-kadang pernah terjadi wang yuran dan bersekutu diterima tetapi namanya dikatakan tidak termaktub sebagai ahli dan terjadi pula perkara-perkara di dalam mana pernah terbit pertengkaran apabila hendak melantik seseorang dikatakan ia bukan ahli *Jam 'iyyah* pada hal ia telah membayar wang masuk menjadi ahli di hadapan beberapa temannya.

Cara-cara ini mustahak mendapat perhatian semoga tidaklah perbuatan-perbuatan itu merugikan *Jam 'iyyah* dan semoga berubah keadaan *Jam 'iyyah* seperti yang dikehendaki oleh orang ramai - tidak lagi dipandang oleh orang-orang awam *Jam 'iyyah* hanya tempat kedudukan beberapa orang sehingga apa jua perjumpaan yang dianjurkan olehnya tidak berapa mendapat sambutan.

* * *

Dalam perjumpaan merasmikan penubuhan PAS Singapura, orang ramai yang bersungguh mendengar ucapan Tuan Haji Uthman Abdullah kerana beliau tatkala di Singapura membidas perkara-perkara Persekutuan Tanah Melayu. Sepatutnya kata mereka itu, beliau mesti memberi penjelasan tentang apa yang patut dibuat di Singapura. Bahkan ada pula yang memandang bahawa Bung Haji Uthman harus tidak ingat bahawa beliau berpidato di Singapura, tidak di Persekutuan Tanah Melayu.

Di dalam keadaan sekarang, ucapan-ucapan cara menyerang itu sepatutnya ditukar oleh orang-orang PAS. Mereka hendaknya adalah memberi penerangan-penerangan dengan cara yang baik dan bijaksana kerana cara-cara yang baik iaitu lebih menarik

dan lebih menepati kepada pengajaran Islam. Kita dari Parti Islam wajib melaksanakan cara Islam bekerja- Islam tidak pakai sistem hentam keromo sahaja tetapi Islam membuat usaha dengan cara yang sopan. Semoga hal ini akan di perhati oleh PAS dan kelak mereka akan membuat perubahan cara memberi pandangan yang ada sekarang kepada cara yang lebih baik yang bersesuaian dengan ajaran Islam.

* * *



Askar Lubnan dalam perjuangannya melawan pemberontakan di Lubnan.